

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan RHINOCORT AQUA
2. Bagaimana RHINOCORT AQUA berfungsi
3. Sebelum menggunakan RHINOCORT AQUA
4. Cara menggunakan RHINOCORT AQUA
5. Semasa menggunakan RHINOCORT AQUA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RHINOCORT AQUA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan RHINOCORT AQUA

RHINOCORT AQUA digunakan untuk mencegah dan melegakan gejala rinitis alergi bermusim atau berpanjangan (kesesakan hidung, hidung berair, bersin dan hidung gatal). Ia juga digunakan untuk rawatan *rhinoconjunctivitis* (kesesakan hidung, hidung berair, bersin, mata gatal dan berair).

RHINOCORT AQUA juga digunakan untuk merawat dan pencegahan polip di dalam hidung selepas pembedahan polip.

Bagaimana RHINOCORT AQUA berfungsi

RHINOCORT AQUA ialah sejenis sediaan kortison yang menyekat radang dan tindak balas alergi di dalam hidung.

Sebelum menggunakan RHINOCORT AQUA

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan RHINOCORT AQUA

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap budesonide atau mana-mana bahan kandungan lain.
- Jika anda hamil, cuba hamil atau fikir anda mungkin hamil.
- Jika anda sedang menyusui.

- Sebelum menggunakan RHINOCORT AQUA

Rujuk doktor jika anda:

- menggunakan ubat steroid untuk keadaan seperti asma, alahan atau ruam kulit.
- pernah didiagnosis dengan glaukoma (tekanan tinggi pada mata), katarak (kawasan berawan di lensa mata), atau mempunyai jangkitan mata, atau jika anda menghidap diabetes.
- terdedah kepada seseorang yang mempunyai batuk kering, cacar air atau campak.
- kerap hidung berdarah, ulser hidung yang baharu, pembedahan hidung atau mengalami kecederaan hidung yang tidak sembuh.
- Mempunyai tanda-tanda atau gejala jangkitan seperti demam yang berterusan.

Mengandung dan menyusukan anak

Produk ini tidak boleh digunakan semasa mengandung atau menyusui. Sila rujuk doktor anda sebelum menggunakan produk ini.

Produk ini mungkin melambatkan kadar tumbesaran pada sesetengah kanak-kanak jika digunakan secara kombinasi dengan steroid lain.

Berhati-hatilah apabila menggunakan RHINOCORT AQUA

- Bincanglah dengan doktor sebelum anda mula menggunakan RHINOCORT AQUA jika anda mengalami mana-mana masalah kesihatan yang berikut:
 - jangkitan kulat atau herpes di dalam hidung
 - tuberkulosis
 - penyakit hati yang teruk
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Beritahulah doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau baru-baru ini telah menggunakan ubat lain, termasuklah ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan RHINOCORT AQUA

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rinitis alergi

Gunakan RHINOCORT AQUA seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda harus bertanya dengan doktor atau ahli farmasi and jika tidak pasti.


Jika anda mengalami gejala rinitis alergi bermusim, anda boleh memulakan rawatan dengan RHINOCORT AQUA beberapa hari sebelum gejala alergi bermula. Kebiasanya, anda boleh mendapat kesan penuh dalam masa beberapa hari, tetapi anda mungkin berasa sedikit lega selepas beberapa jam. Penggunaan RHINOCORT AQUA oleh kanak-kanak hendaklah dilakukan di bawah pengawasan orang dewasa supaya penyemburan dilakukan dengan betul dan dosnya mengikut preskripsi doktor.

Oleh sebab botolnya mungkin sukar dikosongkan sepenuhnya, botol diisi dengan berlebihan. Cara ini dapat memastikan bahawa jumlah yang dinyatakan akan dibekalkan, iaitu 120 dos.

Jika gejala alergi yang melibatkan mata mengganggu anda, doktor anda mungkin akan memberikan ubat lain untuk melegakannya.


- Arahan penggunaan

Sebelum anda menggunakan botol baru semburan hidung RHINOCORT AQUA, anda mesti menyediakan pamnya dengan menggoncangkan botol itu dan menyemburkannya ke udara sehingga kabus yang sekata dihasilkan. Jika anda tidak menggunakan semburan hidung ini setiap hari, pamnya mestilah disediakan dengan cara yang sama sekali lagi, tetapi kali ini cukuplah sekadar menyembur sekali sahaja ke udara.



1. Hembuskan hidung anda. Goncangkan botol. Buka tudung pelindung.
2. Pegang botol tersebut seperti yang ditunjukkan di dalam gambar.
3. Masukkan hujung botol ke dalam satu lubang hidung dan semburkan

bilangan dos yang dipreskripsikan. Masukkan hujung botol bagi lubang hidung yang sebelah lagi dengan cara yang sama.



4. Tutupkan semula dengan tudung pelindung. Jangan gunakan RHINOCORT AQUA lebih dari apa yang telah diarahkan.

- Bila perlu digunakan
Gunalah RHINOCORT AQUA seperti yang dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi.
- Berapa lama perlu digunakan
Gunalah RHINOCORT AQUA seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.
- Jika terlupa menggunakan
Dos yang tertinggal itu tidak perlu digantikan. Semburkanlah dos yang seterusnya seperti biasa.
- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Jika anda telah menggunakan terlalu banyak RHINOCORT AQUA pada sesuatu masa, anda tidak sepatutnya mengalami apa-apa kesan yang kurang menyenangkan. Jika anda ragu-ragu selepas menggunakan dos yang terlalu banyak, hubungilah doktor atau hospital untuk mendapatkan penilaian risiko dan nasihat.

Semasa menggunakan RHINOCORT AQUA

- Perkara yang perlu dilakukan
Gunalah RHINOCORT AQUA seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Hentikan penggunaan dan berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai sebarang perubahan dalam penglihatan.

Rujuk doktor anda jika anda mengalami tanda-tanda atau tanda-tanda jangkitan seperti demam yang berterusan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan RHINOCORT AQUA kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Jangan guna melebihi dos yang ditetapkan.

Ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Jangan beri orang lain. Ubat ini boleh memudaratkan mereka, walaupun simptom mereka sama seperti simptom anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Jangan biarkan RHINOCORT AQUA terkena mata. Jika ubat ini memasuki mata, serta-merta bilas dengan air.

Memandu dan menggunakan jentera
Tidak ada bukti kajian bahawa RHINOCORT AQUA akan menjejaskan kemampuan memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, RHINOCORT AQUA boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidaklah semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang boleh berlaku biasanya ringan dan singkat sahaja.

Sila beritahu ahli farmasi atau doktor jika anda mengalami simptom berikut:

- Kerengsaan pada hidung
- Hidung berdarah
- Ruam
- Kegatalan
- Sakit kepala

Berhenti menggunakan RHINOCORT AQUA dan hubungi doktor dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom yang berikut:
Angioedema:

- bengkak pada muka, lidah atau tekak
- kesukaran menelan
- *nettle rash* dan kesukaran berafas

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perhatikan kesan

sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, beritahulah doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan RHINOCORT AQUA

- Penyimpanan
Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.

Jangan simpan pada suhu yang melebihi 30°C. Jangan sejuk bekukan.

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkuskan selepas EXP. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan yang dinyatakan itu.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Botol kaca berwarna perang dengan pam semburan dan aplikator hidung.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif
Budesonide 64 mikrogram/dos.
 - Bahan tidak aktif
Microcrystalline cellulose and carboxymethylcellulose sodium, glucose anhydrous, polysorbate 80, disodium edetate, potassium sorbate, hydrochloric acid, purified water.
- Nombor MAL
MAL20000013A

Pengilang

McNeil AB,
Helsingborg, Sweden.

Pemegang Pendaftaran Produk

JNTL (Malaysia) Sdn. Bhd.
Lot 3 & 5, Jalan Tandang,
46050 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/10/2023

Nombor Siri

NPRA (R1/2) 04012024/011